

Pertabalan peristiwa bersejarah tahun lalu

PERTABALAN Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibn Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullahu-lahu Shah dan Tuanku Bainun Mohd Ali yang berlangsung penuh adat istiadat kesultanan Perak adalah peristiwa kemuncak dan bersejarah bagi Perak sepanjang tahun ini.

Pertabalan itu yang berlangsung selama 15 hari dari 4 hingga 18 Disember lalu dipenuhi dengan enam istiadat utama serta dimeriahkan lagi dengan pelbagai acara menarik, termasuk sukan rakyat, persembahan kebudayaan, perarakan kereta berhias dan pertandingan menghias bangunan serta persembahan tatu dan bunga api.

Enam istiadat utama itu ialah tabal adat, mengambil air datu, tabal siram, tabal pusaka, makan berastokana dan menziarahi makam dan Beting Beras Basah.

Sepanjang pertabalan, semua bandar di negeri ini dihiasai dengan lampu neon berwarna-warni serta pelbagai perhiasan menarik.

Lebih 100 artis terkenal turut diundang menghiburkan orang ramai di beberapa kawasan, termasuk di Ipoh dan Kuala Kangsar.

Sempena pertabalan itu, satu ekspedisi 16 rakyat Perak berjaya memacakkan bendera negeri di puncak Island Peak setinggi 6,159 meter pada pagi 9 Disember serentak dengan pertabalan dilakukan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Satu lagi peristiwa menarik ialah perlumbaan sagaton dari Ipoh ke Cameron Highlands yang disertai oleh 200 kereta Proton Saga pada 1 Disember.

Perlumbaan ini sebenarnya untuk menguji kekuatan kereta nasional itu di samping memperkenalkan kepada umum.

Bagi pekebun durian di Perak, tahun ini dianggap bertuah kerana

Oleh RAHIM HAJI ZAIN dan HAMIDAH KAMARUDDIN

durian gugur sebanyak tiga pema (musim) iaitu pada Februari, Julai dan Disember. Ini sekurangnya dapat menampung kemerosotan perusahaan lombong yang jatuh ke tahap yang rendah hingga menjejaskan hasil pendapatan negeri Perak.

Hanya 25 peratus daripada lebih 400 lombong pam kerikil yang masih mampu menghadapi tekanan kejatuhan harga bijih di pasaran dunia.

Di samping itu, sukan juga turut mencatatkan sejarah di Ipoh dengan dua kejohanan antarabangsa.

Morten Frost Hansen dari Denmark muncul sebagai juara menewaskan Haji Misbun Haji Sidek dalam Kejohanan Badminton Master di Stadium Indera Mulia dari 9 hingga 14 September.

Satu lagi kejohanan ialah hoki Piala Azlan yang pertama kali berlangsung di Stadium Astroturf yang mengembalikan prestasi Malaysia di bidang hoki. Malaysia berjaya ke pertandingan akhir sebelum ditewaskan oleh India 2-4.

Perak turut mengalami beberapa bencana besar dan peristiwa menyayat hati.

Banjir besar melanda beberapa kawasan di Ipoh, Kampar, Teluk Intan dan Seberang Perak menyebabkan kerugian besar dan perpindahan sementara yang berlaku selama seminggu bermula 8 November.

Peristiwa penduduk kawasan Papan yang diancam oleh pembuangan sisa radioaktif dari kilang Asean Rare Earth juga menarik perhatian apabila Mahkamah Tinggi Ipoh mengarah pihak kilang menghentikan pembuangan itu.

Beribu-ribu penduduk kawasan Papan bertumpu di kawasan Mahkamah Tinggi untuk mendengar keputusan yang diumumkan pada 14 Oktober lalu.

Pada 2 Oktober pula, penduduk Lambor Kanan, Bota dirundung malang apabila empat beranak terkorban dalam satu kebakaran yang memusnahkan sederet sembilan pintu kedai papan.

Seorang ibu dan tiga anak perempuannya hangus dalam kebakaran

itu.

Peristiwa berdarah di kampung Memali, Baling, Kedah turut memabitkan anggota polis yang berpangkalan di Perak.

Kematian Allahyarham Inspektor Azmi Hamzah, adalah satu peristiwa sedih dan memeranjatkan keluarganya, terutama isterinya, Puan Esom Kamariah.

Tetapi jasa Allahyarham tetap dikenang oleh semua lapisan rakyat dan pada 6 Disember, isteri Ketua Polis Perak menyampaikan cek bernilai \$1,250 hasil sumbangan bekas Timbalan Ketua Polis Negara dan PERKEP.

Kepulauan 8,000 penghuni di gugusan Fel-da Trolak tergugat apabila wabak demam kuning melanda kawasan itu pada pertengahan September.

Lebih 1,200 penduduk di situ diserang demam kuning dan ini memaksa Kementerian Kesihatan mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan wabak demam kuning.

Bagaimanapun, tiada kematian dilaporkan dalam peristiwa yang berlaku hampir dua bulan itu.